

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELESTARIAN WARISAN “KAPAL LEPA-LEPA” SEBAGAI ASET IDENTITI MASYARAKAT BAJAU LAUT.

AL SUHAIMI BIN ALSIM

IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN SENI

2024

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELESTARIAN WARISAN “KAPAL LEPA-LEPA” SEBAGAI ASET IDENTITI MASYARAKAT BAJAU LAUT.

AL SUHAIMI BIN ALSIM
(D20202096757)

Disertasi ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Seni) Dengan Kepujian

Fakulti Seni Kelestarian dan Industri Kreatif

2024



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada.....(hari bulan).....(bulan) 20.....

i. Perakuan Pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis _____ yang _____ bertajuk _____

_____ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia :

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

_____ (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Insitut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah _____ (SILA NYATAKAN IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia & Cop Rasmi





PENGHARGAAN

لَا رَحِمَ

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang.

Ucapan syukur yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T karena tanpa Keizinan-NYA saya tidak dapat menghasilkan kajian ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu-bapa dan keluarga saya di atas sokongan moral yang diberikan sepanjang pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ribuan terima kasih juga kepada penyelia kajian saya iaitu Dr. Zainuddin bin Abindinhazir diatas segala bantuan yang dan nasihat yang berguna kepada diri saya bukan sahaja sebagai pengkaji malahan sebagai guru yang akan mendidik generasi pada masa yang akan datang.

Segala nasihat dan pelajaran akan saya ingat sebagai pemangkin semangat saya untuk menjadi insan yang lebih baik. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Nor Syazwani Binti Mat Salleh karena telah menyelia saya dan rakan-rakan sepanjang satu semester ini. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada sahabat saya kerana telah menyuntikkan semangat kepada diri saya untuk tidak berputus asa dalam menjayakan kajian ini. Diharap kajian ini dapat menambah ilmu serta wawasan saya untuk sentiasa menjadi orang yang berguna kepada manusia yang lain.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji “Kapal Lepa-Lepa” oleh masyarakat Bajau Laut yang bertajuk Kelestarian Warisan “Kapal Lepa-Lepa Sebagai Aset Identiti Masyarakat Bajau Laut. Objektif kajian ini adalah menjelaskan nilai estetik tradisional “Kapal Lepa-Lepa” mengenalpasti teknik, kaedah, dan strategi yang digunakan dalam penghasilan olahan idea dan menghasilkan karya replika “Kapal Lepa-Lepa” yang berfungsi sebagai hiasan. Pendekatan kajian kualitatif berasaskan reka bentuk naratif dan fenomenologi digunakan. Data dikumpul melalui kaedah analisis dokumen, temu bual secara tidak berstruktur dan pemerhatian pada Lepa. Keunikan seni bina dan ragam hias yang terdapat pada lepa menjadi faktor utama ia dijadikan sebagai warisan budaya yang perlu diketengahkan dalam kalangan masyarakat. Kepentingan dalam melakukan penulisan ini ialah dapat menyumbang kepada perubahan persepsi masyarakat terhadap kepentingan memelihara dan menghargai warisan budaya setiap etnik yang terdapat di Malaysia.

Kata kunci: Kapal Lepa-Lepa, Kelestarian Warisan, Masyarakat Bajau Laut.

KELESTARIAN WARISAN “KAPAL LEPA-LEPA” SEBAGAI ASET IDENTITI MASYARAKAT BAJAU LAUT.

ABSTRACT

This study aims to examine the "Kapal Lepa-Lepa" by the Bajau Laut community with the title of Heritage Sustainability "Kapal Lepa-Lepa as an Identity Asset of the Bajau Laut Community." The objective of this study is to explain the traditional aesthetic value of the "Kapal Lepa-Lepa", identify the techniques, methods, and strategies used in the production of ideas and produce a replica of the "Kapal Lepa-Lepa" that functions as decoration. A qualitative research approach based on narrative design and phenomenology is used. Data was collected through document analysis, unstructured interviews and observation on Lepa. The uniqueness of the architecture and the variety of decorations found in lepa is the main factor that makes it a cultural heritage that needs to be highlighted in the community. The importance of doing this writing is to be able to contribute to a change in society's perception of the importance of preserving and appreciating the cultural heritage of each ethnic group found in Malaysia.

Keywords: Kapal Lepa-Lepa, Heritage Sustainability, Bajau Laut Community.

SENARAI KANDUNGAN

Kandungan	M/s
PERAKUAN KEASLIAN PELAJAR	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
SENARAI KANDUNGAN	vi - viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI GAMBAR	x
 BAB 1: PENGENALAN	 1 - 21
1.0 Pengenalan	1 - 3
1.1 Latar Belakang Kajian	3 - 6
1.2 Permasalahan Kajian	6 - 8
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Garis Panduan Projek	9 - 10
1.5.1 Penggunaan Dan Manipulasi Imajan	10 - 11
1.6 Limitasi Kajian	11
1.6.1 Batasan Tempat dan Masa	11
1.6.2 Batasan Data	12
1.7 Signifikan Kajian	12 - 14
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	14 - 17
1.9 Tinjauan Terdahulu Kajian	17 - 21
1.10 Rumusan	22
 BAB 2: KONTEKS	 23 - 35
2.1 Pengenalan	23 - 24

2.2	Tinjauan Teori	24
2.2.1	Teori Estetika	25 - 27
2.3	Artis Rujukan/Designer Rujukan	27
2.3.1	Md. Ghani Bin Mat (Kraf Logam)	27 - 28
2.3.1.1	Bingkai Blok Batik oleh Md. Ghani bin Mat	28 - 30
2.3.2	Allahyarham Wan Su bin Othman (Ukiran Kayu)	30 - 31
2.3.2.1	Ukiran Wau oleh Allahyarham Wan Su bin Othman	31 - 32
2.3.3	Mad Anuar Ismail (Arca)	33
2.3.3.1	Perentas Ribut No. 18 (<i>Strom Riders</i>)	34 - 35
2.4	Rumusan	35

BAB 3: KAJIAN STUDIO 36 - 46

3.1	Pengenalan	36 - 37
3.2	Kerangka Proses Kreatif Pengkaryaan	37 - 38
3.3	Metodologi Penghasilan Karya	39
3.3.1	Pemilihan Metodologi Kajian	39
3.4	Proses Kreatif	40
3.4.1	Fasa Pewujudan Idea	40 - 41
3.4.2	Fasa Perkembangan dan Olahan Idea	42 - 43
3.4.3	Adaptasi Media dan Teknik	43 - 45
3.5	Rumusan	46

BAB 4: ANALISIS VISUAL KARYA 47 - 59

4.1	Pengenalan	47 - 48
4.2	Kajian Visual dan Analisis Karya	48
4.2.1	Penerangan " <i>Lepa Bayanan Bangsata</i> "	48 - 50
4.2.2	Analisis " <i>Lepa Bayanan Bangsata</i> "	51
4.2.3	Interpretasi " <i>Lepa Bayanan Bangsata</i> "	52 - 53
4.2.4	Penilaian " <i>Lepa Bayanan Bangsata</i> "	53 - 54
4.3	Persembahan Karya	55 - 58
4.4	Rumusan	59

BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN 60 – 70

5.1	Pengenalan	60 - 61
5.2	Perbincangan Karya	61 - 64
5.3	Impak Karya Pada Pendidikan	64 - 67
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	67 - 68
5.5	Kesimpulan	68 - 69

BIBLIOGRAFI 70

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	M/s
1.1	Garis panduan projek	10
1.2	Kerangka Konseptual Teori Keindahan Oleh JJ Winckelmann	15
2.1	Teori Keindahan Oleh JJ Winckelmann	26
3.1	Kerangka Proses Pengkaryaan	38
3.2	Kerangka Motif Ragam Hias Lapa	42
3.3	Teknik Yang Digunakan	44



SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Tajuk	M/s
1.1	Perarakan lepa cantik semasa Regata Lepa	1
1.2	<i>Boggo Kecil</i>	18
1.3	Lepa-Lepa saiz kecil	19
1.4	Lepa <i>Sappit Buli Kumun.</i>	20
1.5	Lepa-Lepa dihias <i>Sambulayang</i>	21
2.1	Encik Md. Ghani Bin Mat	28
2.2	Motif Pohon Beringin	29
2.3	Allahyarham Wan Su bin Othman	30
2.4	Ukiran Wau	31
2.5	Mad Anuar Ismail	33
2.6	Perentas Ribut No.18 (<i>Strom Riders</i>) 2012	34
3.1	Contoh gambar yang menjadi sumber idea penghasilan karya.	41
4.1	Kemasan Akhir Lepa	53 - 54
4.2	Pandangan sebelah kiri karya akhir	55
4.3	Pandangan hadapan	55
4.4	Pandangan sebelah kanan	56
4.5	Pandangan belakang sebelah kiri	56
4.6	Pandangan belakang sebelah kanan	57



BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

“Kapal Lepa-Lepa” merupakan simbol penting dalam budaya Masyarakat Bajau di pesisir timur Malaysia dan kawasan Asia Tenggara. Kapal ini memainkan peranan utama dalam kehidupan Masyarakat Bajau Laut sebagai alat penting dalam aktiviti perikanan serta menjadi kediaman bagi suku kaum ini. Dibina dengan menggunakan teknik tradisional dan bahan-bahan semulajadi seperti kayu, Kapal Lepa-Lepa mempunyai ciri-ciri yang unik, termasuk layar berwarna warni yang mencolok dan reka bentuk yang menarik.

Kelestarian Kapal Lepa-Lepa kini menghadapi pelbagai cabaran yang serius. Salah satu cabaran utama adalah ancaman perubahan iklim yang menyebabkan kenaikan paras air laut, kemerosotan ekosistem marin, dan berlakunya perubahan cuaca

yang ekstrem yang berpotensi merosakkan kapal-kapal tradisional. Tambahan pula, urbanisasi dan modenisasi membawa impak terhadap gaya hidup Masyarakat Bajau Laut, termasuk kepupusan minat terhadap pembinaan dan pelayaran Kapal Lepa-Lepa.

Memelihara kelestarian Kapal Lepa-Lepa bukan sekadar memelihara objek budaya semata-mata, tetapi juga memastikan kelangsungan budaya dan identiti Masyarakat Bajau Laut. Pemeliharaan tradisi ini memainkan peranan penting dalam memelihara warisan dan nilai-nilai masyarakat Bajau Laut yang unik. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil Langkah-langkah proaktif dalam merangka pelan dan program pelestarian Kapal Lepa-Lepa, termasuk promosi kesedaran, latihan pembinaan kapal tradisional, dan sokongan kepada komuniti nelayan khususnya masyarakat Bajau Laut.

Melihat pada konteks ragam hias, Kapal Lepa-Lepa mempunyai motif-motif ukiran yang sangat unik dan mempunyai tarikan tersendiri oleh masyarakat Bajau Laut. Seni ukiran Kapal Lepa-Lepa bukan sekadar hiasan, tetapi juga merupakan ekspresi seni yang kaya dengan makna dan simbolik yang mendalam. Dalam ukiran Kapal Lepa-Lepa, terdapat gabungan motif-motif geometri, flora, fauna dan simbol tradisional yang mencerminkan kehidupan, kepercayaan dan budaya masyarakat Bajau Laut. Unikinya, teknik ukiran Lepa digabungkan warna-warna cerah yang menambahkan kecantikan dan kehidupan kepada kapal-kapal tersebut.



Gambar 1.1: Perarakan Lepa Cantik Semasa Regata Lepa Semporna

Sumber: Asia Binti Abd Halim



Kelestarian merujuk kepada usaha untuk memelihara, menjaga dan memastikan keberlanjutan sesuatu, terutamanya dalam konteks alam sekitar, budaya ataupun warisan. Ia melibatkan pemeliharaan sumber semula jadi, tradisi, nilai budaya, serta keunikan yang ada bagi generasi sekarang dan akan datang. Konsep kelestarian ini juga merangkumi pengurusan sumber alam yang bijak, pemeliharaan kepelbagaian biologi, serta pemeliharaan warisan budaya untuk kegunaan masa kini.

Konsep kelestarian warisan budaya merujuk kepada usaha dan pendekatan untuk memelihara, menjaga dan memastikan kelangsungan warisan budaya yang unik dan penting bagi sesuatu masyarakat atau bangsa. Ianya menekankan pentingnya



penghargaan terhadap nilai-nilai, tradisi dan pengetahuan yang diwarisi dan dinikmati oleh generasi akan datang.

Lepa dalam bahasa kaum Bajau Laut Pantai Timur Sabah membawa maksud adalah perahu. Di dalam masyarakat Bajau Laut, perahu di sebut sebagai *bayanan*, namun istilah *lepa* lebih sinonim dan dominan digunakan oleh masyarakat Bajau Laut Pantai Timur khususnya masyarakat di kepulauan Semporna.¹ Perahu *Lepa* merupakan warisan turun tenurun dalam masyarakat Bajau. Ini adalah kerana, perahu *lepa* telah wujud lama dalam kehidupan masyarakat Bajau yang dijadikan pengangkutan utama pada suatu ketika dahulu. Namun demikian *lepa* bukan sahaja berfungsi sebagai pengangkutan utama bagi masyarakat Bajau Laut ia juga berperanan sebagai kediaman bagi masyarakat ini. Menurut Nurul Halawati Azhari (2007), beliau menyatakan bahwa:

“Dinyatakan juga bahawa selain menjadi alat pengangkutan, *Lepa* juga dijadikan sebagai tempat kediaman bagi orang-orang laut. Malah, keadaan ini masih wujud hingga ke hari ini di daerah Semporna. Orang-orang laut yang dikenali sebagai *Pala’u* masih lagi mengekalkan tradisi menjadikan perahu sebagai tempat kediaman utama mereka”²

¹ Asia Binti Abd Halim. (2018). *Motif dan makna ukiran lepa dalam masyarakat Bajau Semporna*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

² *Pala’u* membawa maksud satu suku kaum Bajau Laut yang masih mengamalkan tradisi tinggal di perahu.

Kewujudan lepa telah dikesan bermula dari kedatangannya agama islam disekitar kepulauan pesisir pantai daerah Semporna. Semporna diberi nama sebagai *Tong Talun* ³pada awal kurun ke 20. Pulau Bum-Bum dikenali sebagai pusat penghasilan utama bagi Kapal Lepas-Lepas, di mana dua kampung yang giat menjalankan aktiviti pembinaan lepa iaitu kampung *Nusalalung* dan kampung *Kabimbangan*. ⁴

Masyarakat Bajau merupakan salah satu etnik yang terbesar di Sabah dengan majoriti daripada penduduknya adalah beragama islam. Golongan ini dikelaskan kepada dua kelompok iaitu etnik Bajau dari Pantai timur dan etnik Bajau dari Pantai Barat Sabah. Bajau Laut merupakan etnik Bajau di Pantai Timur Sabah yang masih mengamalkan kehidupan bercorak nomad dan cukup sinonim dengan seni bina “lepa” iaitu sejenis perahu yang menjadi tempat kediaman mereka menurut (Ismail,2007).

Masyarakat Bajau dari Pantai timur di Semporna, Sabah juga dapat dikenali sebagai Bajau Laut oleh masyarakat di sana yang terkenal dengan kehebatan mereka sebagai pelaut. Majoriti keluarga ini berasal dari kepulauan Selatan Filipina yang telah bermigrasi serta menetap di kawasan perairan Pantai Timur Sabah semasa pemerintahan Kesultanan Sulu lagi, iaitu sekitar abad ke-18. Bagi masyarakat ini, laut bukan sahaja sebagai sumber rezeki tetapi turut memberikan inspirasi dan pengaruh tersendiri kepada kehidupan. Dalam erti kata lain laut adalah dunia bagi mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui fakta bahawa masyarakat Bajau Laut majoriti tinggal di kawasan tepi laut dan bukan itu sahaja ada segelintir daripada mereka yang tinggal di atas laut dengan

³ *Tong Talun* bermaksud kawasan yang berada di hujung.

⁴ *Ibid.*

menjadikan “lepa” sebagai kediaman rasmi atau sebagai rumah mereka. Menurut Hussin,N. (2018). beliau menyatakan bahawa:

“Penempatan masyarakat Bajau Laut di pesisir Pantai sangat berkait rapat dengan kehidupan laut”

Melalui pernyataan ini dapat disimpulkan bahawa masyarakat Bajau Laut sangat bergantung kepada laut untuk mencari rezeki utama ataupun sumber bagi kehidupan mereka seperti memancing, menyelam, dan mengumpulkan hasil laut.

1.2 Pernyataan Masalah

Malaysia merupakan negara yang penuh dengan kepelbagaian etnik, kepelbagaian ini menjadikan negara Malaysia kaya dengan pelbagai warisan budaya bangsa. Salah satu seni tersebut adalah senibina kapal tradisional yang termasuk dalam seni kraf. Bagi merencanakan dunia seni kraf tanah air, terdapat satu seni kraf tradisional suku kaum terbesar di Sabah iaitu suku kaum Bajau Laut yang boleh diketengahkan kepada khalayak umum bagi melestarikan kesinambungan warisan ini. Senibina Kapal Lepa-Lepa dan seni ukiran masyarakat Bajau Laut di Semporna, merupakan salah satu warisan tradisi yang cukup unik di negara ini. Namun di sebalik keunikannya, ia kurang dikenali oleh masyarakat umum khususnya generasi muda iaitu golongan pelajar sekolah. Oleh sebab itu pengetahuan berkaitan dengan kesenian yang terdapat pada Kapal Lepa-Lepa perlu dilakukan agar ia tidak pupus ditelan zaman.

Selain itu, masalah senibina Kapal Lepa-Lepa perlu dilestarikan dalam kalangan generasi muda mencakupi beberapa aspek yang memerlukan perhatian serius. Salah satu aspeknya utama adalah kurangnya pemahaman dan kesedaran terhadap nilai sebenar senibina Kapal Lepa-Lepa sebagai warisan budaya yang kaya akan sejarah dan identiti masyarakat Bajau Laut. Generasi muda mungkin tidak lagi terlibat secara langsung dalam pembelajaran turun-temurun tentang keindahan dan keunikan seni tradisional ini, yang boleh menyebabkan kekurangan penghargaan dan minat terhadap senibina Kapal Lepa-Lepa di dalam kalangan mereka.

Seterusnya, terdapat juga masalah kekurangan peluang dan akses bagi generasi muda untuk terlibat dalam pembelajaran praktikal dan pengalaman langsung dalam bidang senibina Kapal Lepa-Lepa. Kemahiran tradisional pembuatan Kapal Lepa-Lepa telah dipelajari secara turun-temurun, dengan perubahan dalam gaya hidup dan penekanan pada Pendidikan formal. Generasi muda mungkin semakin terasing daripada sumber-sumber pembelajaran tradisional ini. Kesannya, golongan muda kehilangan peluang untuk mengembangkan pengetahuan yang diperlukan untuk mempertahankan seni bina Kapal Lepa-Lepa.

Tambahan pula, generasi muda berhadapan dengan ancaman daripada pengaruh budaya yang moden dan kemajuan teknologi. Dalam era digital dan globalisasi, minat dan perhatian generasi muda sering kali terpengaruh kepada hiburan dan teknologi. Secara tidak langsung perkara ini menjadikan generasi muda menjauh dari warisan tradisional. Pengaruh ini boleh menyebabkan penurunan penghargaan dan kesedaran tentang kepentingan warisan budaya ini di kalangan generasi muda, serta

membawa ancaman kepada kesinambungan seni bina Kapal Lepa-Lepa sebagai bagian daripada identiti warisan budaya masyarakat Bajau Laut.

Melalui kajian ini, pendedahan tentang kesenian yang ada pada Kapal Lepa-Lepa akan diketengahkan. Sehubungan dengan itu, melalui penulisan ini generasi muda akan lebih terdedah dengan kesenian Lepa yang mana secara tidak langsung ia dapat meneruskan kesinambungan warisan khazanah tempat.

1.3 Objektif Kajian

Penerokaan Seni bina Kapal Lepa-Lepa dalam masyarakat Bajau Laut di Semporna dari sudut estetik ini mempunyai beberapa objektif yang perlu dicapai antaranya:

1.3.1 Menjelaskan nilai estetik tradisional “Kapal Lepa-Lepa” oleh masyarakat

Bajau Laut.

1.3.2 Mengenalpasti teknik, kaedah, dan strategi yang digunakan dalam

menghasilkan karya “Kapal Lepa-Lepa”


1.3.3 Menghasilkan karya replika “Kapal Lepa-Lepa” yang bersifat kontemporari.

1.4 Persoalan Kajian

- 1.4.1 Apakah nilai estetik tradisional “Kapal Lepa-Lepa” oleh masyarakat Bajau Laut?
- 1.4.2 Apakah teknik, kaedah, dan strategi yang digunakan dalam menghasilkan karya “Kapal Lepa-Lepa”?
- 1.4.3 Bagaimana menghasilkan karya replika “Kapal Lepa-Lepa” yang bersifat kontemporari?

1.5 Garis Panduan Projek

Senibina “Kapal Lepa-Lepa” mempunyai falsafah tersendiri disebabkan cara pembinaan yang tradisional. Menghasilkan replika Lepa perlu mengambil kira dari aspek penggunaan bahan dan media, teknik, penggunaan dan manipulasi dan elemen serta konsep yang digunakan. Ia secara tidak langsung akan menjadikan penghasilan karya replika lebih teratur dan sistematik. Unikny, pengkaji menggabungkan 3 bidang dalam Seni Visual bagi menghasilkan replika Kapal Lepa-Lepa iaitu Kraf Logam, Ukiran Kayu, dan Arca. Berikut merupakan garis panduan projek.



Rajah 1.1: Garis Panduan Projek

Sumber: Koleksi Penyelidik

1.5.1 Penggunaan Dan Manipulasi Imajan

Penggunaan dan manipulasi imajan merujuk kepada cara pengkaji menggunakan serta mengubah imej yang sesuai dengan konteks atau tujuan tertentu. Perkara ini jelas menyatakan bahawa ia merupakan gambaran awal pengkaji untuk mendapatkan idea hasil karya yang akan dihasilkan.

Dalam konteks replika Kapal Lepa-Lepa, pengkaji memperoleh maklumat tentang seni bina lepa melalui dalam sosial seperti *google images*, *facebook* dan sebagainya. Hal ini dilakukan untuk menemukan rupa bentuk lepa secara mendalam merangkumi bahagian-bahagian yang penting perlu ada pada replika lepa. Pengubahsuaian dari motif ukiran dan cara persembahan karya dilakukan melalui

gambar yang didapati dari laman sosial sebelum melakukan lakaran perkembangan idea, olahan motif dan juga komposisi karya.

1.6 Limitasi Kajian

Setiap kajian mempunyai limitasi kajian tersendiri, hal ini merangkumi kepada had atau batasan yang mempengaruhi pelbagai aspek seperti terhadapnya sumber data, kekangan metodologi, atau faktor-faktor luaran yang tidak dicapai. Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan yang dapat dikesan iaitu batasan tempat dan masa serta batasan data.

1.6.1 Batasan Tempat Dan Masa

Kajian ini akan memfokuskan kepada masyarakat Bajau Laut Semporna, Sabah. Kawasan kajian diperkecilkan kepada satu kampung sahaja iaitu, Kampung Nusalalung yang terletak di Pulau Bum-bum, Semporna. Pemilihan kawasan kajian ini berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber yang mengatakan masih ramai penggiat tradisional pembuatan lepa yang masih aktif dalam menghasilkan lepa. Kajian ini turut melibatkan pengukir-pengukir lepa, pembuat lepa,

masyarakat setempat dan juga mereka yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dengan seni lepa masyarakat Bajau Laut.

1.6.2 Batasan Data

Batasan data ini merangkumi cara memperoleh data dalam aspek penghasilan motif, pemikiran masyarakat Bajau Laut, dan cara tradisional pembuatan lepa. Pengkaji menghadapi kekangan dalam mendapatkan data langkah penghasilan lepa. Hal ini terjadi kerana pengkaji tidak dapat terlibat secara langsung dengan pembuatan lepa secara tradisional dan data yang diperolehi hanyalah melalui penulisan *jurnal*, buku, sumber media dan sebagainya.

1.7 Signifikan Kajian

Secara khususnya, anak muda biasanya adalah pelajar mesti diberikan pendidikan secara formal mengenai tentang warisan budaya, dengan cara menjadikan salah satu sebagai subtopik dalam mata Pelajaran Seni Visual. Membawa masuk kraf dalam pendidikan visual di sekolah, ia dapat membantu dalam memberi penghargaan warisan budaya.

Bertepatan dengan tajuk kajian ini yang melibatkan kraf iaitu kraf logam dan ukiran kayu. Kajian ini secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai rujukan kepada para pelajar di sekolah. Secara tidak langsung kesinambungan warisan kraf negara dapat dipertahankan melalui pendedahan awal tentang kraf kepada golongan muda khususnya pelajar sekolah.

Kajian ini turut menyumbang kepada perubahan persepsi masyarakat terhadap kepentingan memelihara dan menghargai warisan budaya setiap etnik yang terdapat di Malaysia. Dalam hal ini lepa sebagai salah satu warisan budaya yang unik. Kapal Lepa-Lepa bukan sahaja merupakan alat pengangkutan laut, tetapi juga merupakan lambang identiti yang kaya dengan nilai sejarah dan kebudayaan yang perlu di pelihara dan dihargai.

Selain itu, kajian ini diharapkan memberi peluang untuk meningkatkan kesedaran dan pengiktirafan terhadap keunikan budaya masyarakat bajau laut di kalangan masyarakat tempatan dan global. Dalam erti kata lain, kajian ini dapat membuka mata masyarakat khususnya golongan muda tentang keindahan seni bina, ukiran, sejarah dan nilai Kapal Lepa-Lepa. Justeru, masyarakat bajau laut juga dapat memahami peranan lepa dalam kehidupan mereka, masyarakat luar dapat menghargai serta menghormati warisan budaya masyarakat Bajau Laut.

Seterusnya, tidak ramai yang berkemahiran dalam menghasilkan lepa secara tradisional khususnya golongan muda dalam masyarakat Bajau Laut. Hal ini berlaku

disebabkan kerana kurangnya minat golongan muda terhadap warisan budaya lepa serta kurang pendedahkan tentang cara tradisional pembuatan lepa. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menarik minat golongan muda dalam mempertahankan cara tradisional pembuatan lepa. Secara tidak langsung mendedahkan kepada golongan muda cara penghasilan lepa secara tradisional.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam konteks kajian isu Kapal Lepa-Lepa sebagai aset identiti masyarakat Bajau Laut, kerangka konseptual akan merangkumi konsep-konsep sejarah pembinaan lepa peranan peranan lepa dalam kehidupan masyarakat, lambang identiti budaya dan simbolis, serta kesinambungan warisan lepa. Kajian ini menggunakan pendekatan Kualitatif berasaskan reka bentuk naratif dan fenomenologi. Data dikumpul melalui analisis dokumen, temu bual secara tidak berstruktur dan pemerhatian pada Kapal Lepa-Lepa melalui alam maya.

Bagi menjadikan kajian ini lebih teratur dan sistematik, teori Estetika digunakan dalam menganalisis dapatan data. Melalui teori ini, keindahan dan ciri-ciri yang menghasilkan sesuatu keindahan itu merupakan sesuatu kualiti yang ada pada sesebuah projek yang indah. Di dalam teori Estetika ini mempunyai cabang teori yang lain itu Teori Keindahan oleh *JJ Winckelmann*. Berikut merupakan rajah untuk kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1.1: Teori Keindahan Oleh JJ Winckelmann

Sumber: Koleksi Penyelidik

Melalui rajah 1.1, dapat dilihat di dalam teori keindahan oleh JJ Winckelmann terbahagi kepada tiga peringatan iaitu Intelek/Ilmu, Pengolahan, dan Penelitian/Peniruan Alam. JJ Winckelman dalam Zakaria Ali (2012) menyatakan bahawa terdapat tiga pengajaran yang perlu ada dalam pelajaran tentang keindahan dalam seni iaitu:

Seseorang itu patut ingat tentang fikiran-fikiran yang Istimewa dan asli dalam karya-karya seni yang ada kalanya berdiri sendiri seperti Mutiara yang mahal dalam satu tali dengan yang kurang bermutu dan boleh terus hilang. Pertimbangan kita patut bermula daripada kesan-kesan intelek sebagai bahagian keindahan yang paling penting dan daripada situ terus kepada olahannya. Peringatan kedua ialah penelitian alam semula jadi. Seni sebagai satu tiruan alam semula jadi sepatutnya mengacu kepada apa yang semula jadi sepanjang masa dalam mencipta keindahan. Peringatan yang ketiga ialah pengolahan. Oleh sebab pengolahan itu tidak boleh menjadi tujuan pertama dan yang paling penting, maka seseorang sepatutnya jangan mengendahkan kepuraan yang ada dalam olah burik-burik yang menarik.



Ketiga-tiga peringatan mempunyai kesinambungan di antara satu sama lain yang menyatu untuk menghasilkan karya seni bak mutiara. Intelek/Ilmudigabungkan bersama Pengolahan membawa kepada pemikiran pengkarya. Pemikiran dalam karya seni adalah tentang cara artis melihat penghasilan seni. Ia termasuk cara mereka mengekspresikan diri mereka, meneroka idea dan mencerminkan dunia sekeliling melalui karya seni. Pengkarya seni melihat seni sebagai cara untuk meluahkan perasaan, pengalaman, dan idea mereka. Dalam hal ini, menjayakan suatu pemikiran ke dalam karya seni memerlukan ilmu pengetahuan yang cukup luas yang mencakupi pelbagai aspek di dalam kehidupan.

Gabungan intelek/ilmu dan peniruan alam menghasilkan satu olahan motif.

Konsep ini menekankan pemahaman bahawa seorang seniman harus memahami prinsip-prinsip ilmiah yang tinggi serta keindahan yang ada pada alam semula jadi ketika ingin menghasilkan sesuatu karya seni. Dalam hal ini, dengan memisahkan teori pengetahuan dari seni yang diperlukan membuat kenyataan kreatif, dan gabungan antara ilmu dan emosi estetika. Ia kerana pengetahuan yang luas terhadap sesuatu bidang, seorang seniman dapat melihat prinsip-prinsip seni yang kemudian diinterpretasikan dan diterjemahkan ke dalam karya seni mereka.

Di sisi lain, peniruan alam adalah kreativiti yang berakar pada bentuk, warna, jalinan dan pola yang ada di alam sekitar seseorang. Sama ada itu adalah tumbuh-tumbuhan, warna laut biru, atau jalinan bintik-bintik, semua jenis seni diciptakan dengan meniru prinsip-prinsip alam. Oleh itu, peniruan alam memungkinkan pengkarya untuk menyusun karya seni mereka melalui gabungan dengan perasaan



estetika untuk menghasilkan kerangka seni yang dapat membangkitkan perasaan yang mendalam.


Dari sudut pengolahan dan peniruan alam menjadikan satu karya seni yang mempunyai falsafahnya tersendiri. Dengan menggabungkan elemen-elemen pengolahan dan peniruan alam, ia dapat menciptakan sebuah karya seni yang memiliki falsafah unik di sebaliknya. Hal ini kerana proses pengolahan seni biasanya melibatkan beberapa langkah keputusan yang diambil secara kreatif, termasuk pemilihan bahan, teknik yang digunakan dan penggunaan elemen seni. Disamping itu, peniruan alam adalah proses pemerhatian ke dalam keindahan dan keanekaragaman dunia.

Pengkarya seni menggabungkan pengolahan seni dengan peniruan alam dalam menciptakan karya yang tidak hanya mencerminkan keindahan alam secara visual, tetapi juga mengandungi falsafah yang dalam. Karya yang dimaksudkan adalah karya yang boleh menjadi sebuah lambang simbol dari hubungan manusia dan alam, serta refleksi atau makna dalam kehidupan seharian manusia.

1.9 Tinjauan Karya Terdahulu

Dalam sub tajuk ini pembuka tirai jendela kepada warisan budaya lepa yang kaya dan beragam. Revolusi perubahan rupa bentuk lepa mempunyai tiga fasa iaitu fasa pertama


pada tahun 1904, fasa kedua pada tahun 1951 dan fasa yang ketiga pada tahun 1994. Seni bina lepa yang terdahulu menggambarkan lepa seringkali menunjukkan keindahan dan keanggunan perahu ini. Dalam konteks seni, karya-karya tersebut menampilkan perahu lepa dalam pelbagai rupa bentuk dan ragam hias yang unik.



Gambar 1.2: *Boggo Kecil*

Sumber: Ismail Ibrahim, et.al

Gambar di atas merupakan rupa bentuk lepa sekitar tahun 1904. Nama perahu ini dahulunya dikenali sebagai *boggo kecil* dalam bahasa Masyarakat Bajau Laut yang membawa maksud perahu kecil. Ia digunakan sebagai alat pengangkutan, perikanan dan aktiviti perdagangan Masyarakat bajau laut. Ismail Ibrahim et, al 2013 menyatakan bahawa boggo kecil adalah menyerupai *baragayan* dan *kora-kora*.




Gambar 1.3: Lepa-Lepa saiz kecil

Sumber: Ismail Ibrahim, et.al.

Melalui gambar diatas, dapat dilihat perubahan lepa telah berlaku dari segi rupa bentuk dan layarnya. Perubahan ini berlaku di sekitar tahun 1939-1945. Perubahan ini boleh berlaku kerana aktiviti pembuatan lepa semakin rancak dan berkembang khususnya di kampung *Kabimbangan*, *Nusalalung* dan Tanjung Keramat.⁵ Pembinaan lepa pada masa ini mempunyai sedikit perbezaan dari dalam aspek saiz. Hal ini dikatakan kerana ia lebih kecil sedikit berbanding lepa sebelumnya yang dipanggil lepa-lepa. Dari sudut lain pula, perubahan yang ketara adalah dari segi penggunaan layar yang digantikan kepada *Lamak Nitanjak*. Layar ini diambil dari rupa bentuk ikan bebang.⁶

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.



Gambar 1.4: Lepa Sappit Buli Kumun.

Sumber: Ismail Ibrahim, et.al.

Rupa bentuk Lepa Sappit Buli Kumun sangat berbeza dengan lepa sekitar tahun 1943-1960. Sappit buli kumun pada bahagian rangkanya berbeza bentuk dengan bahagian depan dan belakang. Dapat dilihat bahagian depan lebih panjang berbanding pada bahagian belakang yang kelihatan lebih pendek. Dapat ditafsirkan bahawa perbezaan bentuk ini bertujuan untuk memecahkan ombak. Bahagian hadapan lebih cenderung menghadapi pukulan ombak laut yang kuat. Oleh itu, ia dibuat lebih panjang untuk memudahkan ia memecahkan ombak laut.





Gambar 1.5: Lepa-Lepa dihias *Sambulayang*

Sumber: Laman sesawang

Lepa ini termasuk di fasa yang ketiga, fasa ini merupakan fasa dimana Masyarakat mula faham mengenai lepa-lepa. Ia bermula sekitar tahun 1994, apabila ramai penggiat tukang kayu mula menghasilkan lepa jenis baru sebagai simbol kepada warisan budaya suku kaum bajau Laut di Semporna. Lepa ini mula diperkenalkan kepada Masyarakat pada acara pesta air (Regata Lepa) pada peringkat Daerah Semporna dan kemudiannya dinaiktarafkan menjadi acara tahunan di peringkat negeri Sabah.⁷

⁷ Ibid.

1.10 Rumusan

Kajian ini mencakupi analisis yang mendalam tentang isu lepa sebagai lambang identiti yang penting bagi masyarakat Bajau Laut. Dengan melakukan pemerhatian teliti dan penyelidikan secara menyeluruh, kajian ini bertujuan untuk memahami peranan serta nilai yang terkandung dalam tradisi lepa. Kapal Lepa-Lepa tidak hanya digunakan sebagai alat pengangkutan, tetapi juga merangkumi dimensi budaya, sejarah, sosial dan ekonomi yang luas. Melalui analisis kehadiran lepa dalam kehidupan harian Masyarakat Bajau Laut, termasuk acara tradisional Regatta Lepa, kajian ini bertujuan untuk menekankan pentingnya melestarikan dan memahami warisan budaya ini.

Diharapkan bahawa kajian ini akan memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang kepentingan Lepa sebagai aset identiti bagi Masyarakat Bajau Laut. Dengan menghormati dan memahami nilai-nilai yang terdapat dalam tradisi ini, ianya dapat memperkuat ikatan sosial dan nasional, beserta mewariskan warisan budaya yang berharga kepada generasi akan datang khususnya golongan muda masa kini.